

## Persekitaran Kanak-kanak dalam *Novel Beruk*

Rohayati binti Junaidi  
[rohayatijunaidi87@yahoo.com](mailto:rohayatijunaidi87@yahoo.com)  
Jabatan Kesusasteraan Melayu,  
Akademi Pengajian Melayu,  
Universiti Malaya

Tengku Intan Marlina binti Tengku Mohd Ali  
[inmarlin@um.edu.my](mailto:inmarlin@um.edu.my)  
Jabatan Kesusasteraan Melayu,  
Akademi Pengajian Melayu,  
Universiti Malaya

Madiawati binti Mamat @ Mustaffa  
[atie@um.edu.my](mailto:atie@um.edu.my)  
Jabatan Kesusasteraan Melayu,  
Akademi Pengajian Melayu,  
Universiti Malaya

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis persekitaran dalam novel *Beruk* (2010) karya Azizi Abdullah yang melingkungi kehidupan kanak-kanak dalam mempengaruhi tingkah laku kanak-kanak. Masalah yang melibatkan kanak-kanak semakin berleluasa dan sering terpampang di dada akhbar. Novel kanak-kanak merupakan salah satu medium dalam melihat persekitaran yang membantu perkembangan psikologi kanak-kanak. Justeru, persekitaran yang sihat dapat membentuk kanak-kanak yang seimbang dalam perkembangan rohani dan jasmani. Oleh itu, aspek persekitaran perlu dititikberatkan dalam novel kanak-kanak supaya memberi panduan bukan sahaja kepada penulis novel tetapi juga masyarakat. Dalam konteks karya sastera, persekitaran yang melingkungi kehidupan kanak-kanak dimanifestasikan melalui individu yang melingkungi kehidupan kanak-kanak. Analisis ini memperlihatkan persekitaran yang melingkungi watak utama dalam novel kajian. Kajian ini mengaplikasikan salah satu prinsip dalam Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979), iaitu sistem mikrosistem bagi menganalisis teks. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kepustakaan dan analisis teks. Dapatan kajian menunjukkan persekitaran yang melingkungi kehidupan kanak-kanak mempengaruhi tingkah laku kanak-kanak. Persekitaran yang sihat dapat melahirkan kanak-kanak yang seimbang dari segi rohani dan jasmani. Situasi ini sekali gus memanifestasikan kepentingan persekitaran yang sihat dalam kehidupan kanak-kanak. Ibu bapa, rakan, guru dan jiran merupakan persekitaran penting dalam mempengaruhi watak kanak-kanak. Kesimpulannya, persekitaran dalam novel kanak-kanak dengan menggunakan mikrosistem dalam teori ekologi Bronfenbrenner (1979) dapat menjelaskan pengaruh persekitaran terhadap kanak-kanak dalam novel *Beruk*.

**Kata kunci:** Novel *Beruk*; Azizi Haji Abdullah; Teori Ekologi Bronfenbrenner; sastera kanak-kanak; persekitaran kanak-kanak

## Children's Environment in the novel *Beruk*

### ABSTRACT

This study aims to examine the environment in the *Beruk* novel (2010) by Azizi Haji Abdullah that encompasses children's lives in influencing the behavior of children. Problems involving children are increasingly prevalent and often populated in the newspaper. Children's novels are one of the mediums in looking at the environment that helps the psychological development of children. Hence, a healthy environment can shape a balanced child in both the spiritual and physical development. Therefore, environmental aspects should be emphasized in children's novels to provide guidance not only to novel writers but also to the society. In the context of literary works, the environments surrounding childhood are manifested through individuals who surround children's lives. This analysis will show an environment surrounding the main character in the novel. This study applied one of the principles in Bronfenbrenner ecological theory (1979); a microsystem of analyzing texts. The method used in this study is library method and text analysis. The findings show that the environment surrounding children's lives affects the behavior of children. A healthy environment can produce balanced children in spiritual and physical aspects. This situation also manifests the importance of a healthy environment in the lives of children. Parents, friends, teachers and neighbors are important environment in influencing a child's character. In conclusion, the environment in the children's novel using the microsystems in ecological theory Bronfenbrenner (1979) can explain the influence of the environment on children in the novel *Beruk*.

**Keywords:** Novel *Beruk*; Azizi Haji Abdullah; Ecology Theory Bronfenbrenner; children's literature; children's environment

### PENGENALAN

Persekitaran merupakan faktor penting dalam mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak. Karya sastera seperti novel merupakan salah satu medium untuk melihat persekitaran terdekat yang melingkungi kehidupan kanak-kanak. Persekitaran yang dipaparkan dalam novel ini melingkungi kehidupan kanak-kanak serta memberi pengaruh besar terhadap perkembangan psikologi kanak-kanak. Novel *Beruk* merupakan sebuah novel kanak-kanak yang pernah memenangi Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM) pada tahun 2010/2011. Novel ini mengisahkan seorang kanak-kanak yang bernama Alias yang tinggal bersama ibunya yang lumpuh. Alias mempunyai seekor beruk yang bernama Pon. Alias sangat menyayangi beruknya sehingga membawa kepada peristiwa dia ditampar oleh Cikgu Sunan kerana lambat datang ke sekolah untuk mencari beruknya yang hilang. Persekitaran yang dilihat ialah persekitaran yang melingkungi hidup kanak-kanak seperti di rumah dan sekolah. Persekitaran di rumah meliputi hubungan kanak-kanak dengan ibu bapa dan jiran tetangga. Manakala persekitaran di sekolah meliputi hubungan kanak-kanak dengan guru dan rakan. Berdasarkan novel *Beruk* jelas menggambarkan hubungan kanak-kanak dengan individu-individu terdekat dalam membentuk perkembangan psikologi watak utama dalam novel. Berdasarkan Laporan Panel Penilai Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2014:

“Kemantapan aspek struktural lain seperti nilai-nilai positif, pengajaran-pengajaran, dan unsur kemanusiaan yang utuh dapat menonjolkan kekuatan novel ini berbanding novel-novel lain yang diketengahkan. Persoalan-persoalan yang ditonjolkan juga ada keaslian tersendiri apabila pengarang menggunakan hubungan dan kasih sayang watak Lias kepada beruknya, kepada rakannya, kepada ibunya, dan kepada gurunya yang tegas. Jelas, kasih sayang tidak terhad

sesama manusia, malah haiwan juga mempunyai naluri kasih sayang yang luas biasa. Pon bertindak menyerang Cikgu Sunan kerana disangka Cikgu Sunan mahu melakukan sesuatu yang tidak baik terhadap Lias ketika guru itu memeriksa telinga anak muridnya yang bernanah. Perwatakan Lias yang menyayangi semua yang ada dalam dunianya biarpun dia sendiri yang menderita wajar diteladani oleh pembaca khususnya golongan kanak-kanak yang sebaya.”

(Dewan Sastera, 2014)

Hal ini jelas memaparkan bahawa hubungan kanak-kanak dengan individu-individu yang dekat dengan mereka sama ada di rumah dan juga di sekolah memainkan peranan penting dalam membentuk dan melihat perkembangan psikologi kanak-kanak. Oleh itu, apabila berlaku sesuatu peristiwa atau berdepan sesuatu situasi penerimaan kanak-kanak berbeza dengan orang dewasa. Kanak-kanak lebih dipengaruhi oleh keadaan berbanding dengan orang dewasa. Hal ini kerana kanak-kanak belum mampu berfikir secara matang dalam menghadapi sesuatu situasi. Justeru, apabila berlaku sesuatu peristiwa yang tidak baik maka psikologi kanak-kanak akan mudah terusik dan sekali gus mempengaruhi tingkah laku mereka. Oleh hal yang demikian, tingkah laku kanak-kanak dipengaruhi oleh individu dan masyarakat yang hidup bersama secara langsung atau tidak langsung. Justeru, perkembangan psikologi setiap kanak-kanak berbeza berdasarkan persekitaran yang melingkungi kehidupan mereka.

Berdasarkan Novel *Beruk* karya Azizi Abdullah persekitaran yang mempengaruhi perkembangan kanak-kanak dikaji menggunakan sistem mikrosistem yang merupakan salah satu prinsip dalam Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979). Kajian ini menjelaskan bahawa novel kanak-kanak mampu memberi ilmu pengetahuan kepada masyarakat bahawa persekitaran yang melingkungi kehidupan kanak-kanak mempengaruhi corak pemikiran, pembentukan personaliti dan emosi kanak-kanak. Selain itu, oleh kerana pengalaman kanak-kanak yang terhad berbanding dengan orang dewasa maka kanak-kanak perlu diperkenalkan dengan persekitaran yang seimbang untuk membentuk mereka menjadi insan yang seimbang dalam kehidupan.

## SOROTAN LITERATUR

Sorotan literatur dalam makalah ini menganalisis literatur terdahulu sama ada di dalam atau di luar negara tentang pengaruh persekitaran. Kajian awal dari luar negara melibatkan sarjana dalam bidang psikologi yang memberikan fokus terhadap aspek persekitaran yang mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak, iaitu Bronfenbrenner (1979). Bronfenbrenner menggariskan beberapa prinsip persekitaran yang mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak.

Bertitik-tolak dari teori yang digariskan oleh Bronfenbrenner beberapa kajian di Barat telah menggunakan prinsip dalam teori ekologi dalam kajian perkembangan psikologi kanak-kanak. Antaranya Denis (2012) dalam kajian pada peringkat kedoktoran yang bertajuk “*Attention Deficit Hyperactivity Disorder And Bronfenbrenner’s Ecology Of Human Development*” menggunakan Teori Ekologi Bronfenbrenner untuk mengkaji kanak-kanak yang bermasalah dalam tingkah laku atau pun lebih dikenali sebagai *Attention Deficit Hyperactivity Disorder* (ADHD) yang bermaksud Gangguan Hiperaktiviti dan Kurang Daya Tumpuan. Kajian ini merupakan satu kajian yang melibatkan kanak-kanak, keluarga, sekolah, jabatan perubatan dan jabatan-jabatan yang terlibat terhadap perkembangan psikologi kanak-kanak yang menghadapi masalah ADHD. Berdasarkan sistem yang terdapat dalam Teori Ekologi Bronfenbrenner persekitaran perkembangan kanak-kanak hasil dari berlainan taraf hidup kanak-kanak yang menghadapi ADHD dikenal pasti. Selain itu, kajian ini turut mengaplikasikan empat langkah dalam *Method of Curere* yang dijelaskan oleh Pinar (2004).

Persekitaran dan sosial mempengaruhi perkembangan psikologi manusia. Berdasarkan Carol Medders Dennis perkembangan kanak-kanak dipengaruhi oleh ibu bapa dan keluarga, sekolah, teknologi dan media massa. Berdasarkan kajian ini juga menjelaskan perbezaan umur kanak-kanak dalam kelas turut mempengaruhi sikap dan tingkah laku mereka.

Sementara kajian Stivaros (2007) dari University of Huddersfield, Huddersfield, England dalam kajian peringkat kedoktoran yang bertajuk “*An Ecological Perspective Of Children’s School Experiences And Educational Outcome*” menggunakan Teori Ekologi Bronfenbrenner dan *Socio-Cultural Theory* oleh Vygotsky’s untuk mengkaji sistem pendidikan di England dalam mempengaruhi pengalaman pendidikan dan prestasi sekolah kanak-kanak. Seramai lapan orang murid di sebuah sekolah di England dijadikan bahan kajian utama dalam penyelidikan yang dilakukan dengan menggunakan Teori Ekologi Bronfenbrenner. Kajian ini jelas menunjukkan pentingnya hubungan antara rumah dan sekolah untuk perkembangan kanak-kanak.

Perkembangan kajian di Barat ini telah mendorong kepada perkembangan kajian dalam bidang ini di Asia. Oleh itu, muncullah pengkaji seperti Witrin Gamayanti (2010) di Indonesia dan Abd. Razak Zakaria (2011) di Malaysia. Witrin Gamayanti (2010) mengkaji usaha bunuh diri berdasarkan Teori Ekologi Bronfenbrenner. Di samping itu, Witrin turut menambah faktor *Ontogenic System* ke dalam lima sistem Ekologi Bronfenbrenner dalam melakukan kajian ini. Berdasarkan kajian ini dikenal pasti beberapa akibat yang mendorong ke arah usaha bunuh diri, iaitu riwayat keluarga. Individu yang tinggal dengan ahli keluarga yang mempunyai riwayat bunuh diri mempunyai risiko tinggi membunuh diri. Faktor lain adalah keluarga yang bermasalah, hubungan yang bermasalah antara orang tua dengan anak dan hubungan yang tidak baik dengan rakan sebaya. Selain itu, pencapaian akademik di sekolah, masalah interaksi sosial dan pemilihan kerjaya juga mempengaruhi usaha bunuh diri. Berdasarkan sistem mesosistem, faktor bunuh diri bertolak daripada anak yang tidak mampu mengimbangi emosi di rumah dan sekolah. Manakala berdasarkan sistem ekosistem ialah keadaan suami dan anak dipengaruhi keadaan ibu di tempat kerja. Di samping itu, faktor media massa yang menayangkan kes bunuh diri orang-orang yang ternama dan berpengaruh dalam masyarakat. Berdasarkan sistem makrosistem, faktor budaya mempengaruhi tingkah laku bunuh diri. Beberapa buah negara seperti Jepun, Denmark, Sweden dan India menganggap membunuh diri suatu yang mulia dan cara bersama dengan orang tersayang yang telah meninggal dunia.

Berdasarkan penelitian Abd. Razak Zakaria (2011) dalam kajian peringkat kedoktoran yang bertajuk “Hubungan Konteks Keluarga dengan Penglibatan Ibu Bapa dan Pencapaian Akademik Anak-anak di Sekolah Menengah” membincangkan pentingnya penglibatan ibu bapa ketika di sekolah menengah dan hubungannya dengan pencapaian akademik murid. Kajian ini melibatkan pelajar tingkatan 4 di 24 buah sekolah menengah di negeri Selangor. Melalui kajian Abd. Razak Zakaria menunjukkan komponen konteks keluarga berhubung secara signifikan dalam penglibatan ibu bapa di rumah sahaja. Kajian juga menunjukkan persepsi positif anak-anak terhadap penglibatan ibu bapa. Anak-anak beranggapan bahawa ibu bapa perlu terlibat dalam pendidikan mereka terutama di sekolah menengah. Dapatan kajian ini juga menjelaskan bahawa penyediaan konteks keluarga yang harmoni mampu untuk menjaga kecemerlangan akademik anak-anak. Ini jelas menunjukkan penyediaan konteks keluarga yang kondusif dan mesra oleh ibu bapa dalam kehidupan anak-anak membolehkan anak-anak berjaya. Penglibatan ibu bapa dalam akademik anak-anak hendaklah dilihat secara menyeluruh. Kajian Abd Razak Zakaria membuktikan bahawa amalan keibubapaan dalam pendidikan hanya di rumah sahaja mampu melahirkan anak-anak yang cemerlang dalam akademik. Hal ini kerana ibu bapa yang berkerjaya tidak mempunyai masa terlibat secara aktif di sekolah. Namun, jika ibu bapa dapat melakukannya di rumah

juga mampu melahirkan anak-anak yang cemerlang. Jelas konteks keluarga lebih berperanan dalam melahirkan anak-anak yang cemerlang dalam akademik.

Kajian terhadap novel *Beruk* pernah dilakukan Nursham Abdul Aziz (2015) dari Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur dalam kajian pada peringkat kedoktoran yang bertajuk “Novel-Novel Terpilih Azizi Haji Abdullah: Kajian Intertekstualiti” mengkaji tiga buah novel karya Azizi Haji Abdullah menggunakan Teori Intertekstualiti oleh Julia Kristeva. Kajian ini bertujuan mengenal pasti sejauh mana karya pengarang melalui proses pemindahan, modifikasi dan pengembangan. Kajian juga mengenal pasti sumber-sumber daripada hipogram yang digunakan pengarang. Selain itu, mengenal pasti makna yang terhasil dari karya berdasarkan Teori Intertekstualiti. Kajian juga menganalisis penilaian terhadap karya yang mengalami proses intertekstual dalam tiga karya Azizi Haji Abdullah. Kajian juga bersifat tekstual yang menganalisis karya-karya terpilih Azizi Haji Abdullah secara kualitatif menggunakan Teori Intertekstualiti.

Berdasarkan kajian-kajian yang pernah dilakukan menggunakan Teori Ekologi Bronfenbrenner hanya memfokuskan kepada konteks persekitaran kanak-kanak yang sebenar. Belum ada kajian yang menggunakan teori ini untuk diaplikasikan dalam bidang kajian karya sastera begitu juga belum ada karya sastera yang pernah dianalisis menggunakan Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979). Persekitaran yang digambarkan dalam karya sastera merupakan satu unsur penting yang harus ditekankan bagi menghasilkan karya sastera untuk kanak-kanak yang secara tidak langsung mempengaruhi pembentukan peribadi kanak-kanak. Oleh itu, sebagai permulaan kajian ini mengkaji persekitaran kanak-kanak dalam *novel Beruk* dengan menggunakan Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979) yang memberi tumpuan khusus kepada sistem mikrosistem sebagai asas analisis terhadap pengaruh persekitaran kanak-kanak dalam novel *Beruk*.

## PERNYATAAN MASALAH

Persekitaran yang melingkungi kehidupan kanak-kanak memberi kesan yang besar dalam mempengaruhi tingkah laku kanak-kanak, sama ada tingkah laku positif atau negatif. Kanak-kanak sebagai penyambung nadi masa depan negara harus dibentuk dengan persekitaran yang sihat agar dapat membentuk jati diri tinggi. Menurut Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail dan Noranizah Yusuf (2012, hlm. 155) bahawa faktor persekitaran sosial boleh memberi kesan secara hubungan timbal balas terhadap proses pembentukan tingkah laku dan jati diri seseorang. Di samping itu, banyak kajian yang telah dilakukan mendapati bahawa persekitaran memiliki peranan yang cukup penting di dalam usaha membentuk jati diri individu. Faktor-faktor persekitaran sosial yang dikenal pasti memberikan kesan yang cukup signifikan dalam pembentukan jati diri individu adalah terdiri daripada ibu bapa, rakan sebaya, sekolah, guru dan media massa.

Faktor persekitaran dan didikan menjadi isu penting dalam mempengaruhi tingkah laku kanak-kanak berdasarkan permasalahan moral dalam kalangan kanak-kanak yang melakukan perbuatan tidak bermoral antaranya, dalam mStar yang bertarikh 27 Julai 2017. Selain itu, terdapat beberapa masalah sosial yang melibatkan kanak-kanak seperti mana yang dilaporkan dalam surat khabar tempatan seperti Utusan Malaysia, Berita Harian, dan New Strait Times. Dalam The Asian Parent Malaysia juga menegaskan bahawa ibu bapa dan guru yang merupakan persekitaran yang paling dekat dengan kanak-kanak memainkan pengaruh yang besar dalam mengawal tingkah laku kanak-kanak. Isu yang sama pernah ditegaskan oleh Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail dan Noranizah Yusuf (2012, hlm. 155), di mana pengkaji berpendapat bahawa faktor persekitaran yang paling signifikan dalam mempengaruhi tingkah laku individu adalah terdiri daripada ibu bapa, guru, rakan sebaya, sekolah dan media massa. Masalah sosial yang melanda kanak-kanak yang melibatkan

persekitaran yang melingkungi kehidupan mereka harus ditangani dengan mengenal pasti persekitaran yang positif melalui saluran karya sastera seperti novel kanak-kanak.

Justeru, kajian ini amat relevan dengan situasi semasa khususnya yang berhubung kait dengan masalah sosial yang melanda kanak-kanak dewasa ini selaras dengan kepentingan persekitaran yang positif dalam membentuk kanak-kanak yang memiliki tingkah laku yang baik.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji pengaruh persekitaran dalam novel *Beruk* dengan menggunakan sistem mikrosistem dalam teori ekologi Bronfenbrenner (1979). Pengaruh persekitaran ini merujuk kepada persekitaran yang melingkungi kehidupan kanak-kanak dalam mempengaruhi tingkah laku kanak-kanak.

### **TEKS KAJIAN**

Novel kanak-kanak merupakan novel yang dihasilkan untuk bacaan kanak-kanak. Namun novel kanak-kanak tidak terhad hanya kepada pembaca kanak-kanak sahaja tetapi menjadi bacaan remaja dan juga orang dewasa. Penghasilan novel kanak-kanak turut menyumbang kepada penghasilan karya sastera yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat. Hal ini kerana masyarakat dapat mengetahui persekitaran yang bersesuaian dalam membentuk kanak-kanak yang seimbang rohani dan jasmani. Menurut al-Na'imi (1994) dalam Zakaria Stapa, Ahmad Munawar dan Noranizah Yusuf (2012, hlm.157) manusia berbeza berdasarkan persekitaran di mana ia berada. Sesiapa yang mendapati dirinya berada dalam persekitaran dan pendidikan yang membantunya ke arah kebaikan, maka dia lebih cenderung untuk menjadi golongan yang baik dan begitu juga sebaliknya.

Kajian ini menggunakan novel kanak-kanak yang bertajuk *Beruk* karya Azizi Abdullah (2010). Novel ini merupakan sebuah novel yang telah memenangi Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2010/2011 bagi kategori novel kanak-kanak dan diterbitkan oleh Al-Ameen Serve Holdings pada tahun 2010.

Novel kanak-kanak mampu memberi pengetahuan dan pendedahan persekitaran yang melingkungi kehidupan kanak-kanak. Paparan ini memantapkan fungsi novel kanak-kanak sebagai sumber yang relevan dalam melihat persekitaran yang mempengaruhi tingkah laku kanak-kanak. Persekitaran yang positif mampu membentuk kanak-kanak yang seimbang rohani dan jasmani.

### **BATASAN KAJIAN**

Kajian ini dibataskan pada persekitaran yang melingkungi kehidupan watak utama kanak-kanak, iaitu Alias dalam novel *Beruk*. Pemilihan persekitaran yang melingkungi watak utama kanak-kanak ini adalah kerana tingkah laku kanak-kanak dalam novel dipengaruhi persekitaran yang melingkungi hidupnya. Kajian ini melihat persekitaran yang terdiri daripada ibu bapa, rakan, jiran dan guru sebagaimana yang terdapat dalam prinsip sistem mikrosistem berdasarkan Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979).

### **METODOLOGI KAJIAN**

Analisis yang dilakukan ini menggunakan beberapa kaedah, iaitu kaedah analisis teks dan kaedah pustaka. Kaedah analisis teks merujuk pada pembacaan secara teliti yang dilakukan terhadap teks diikuti dengan pemilihan watak yang terlibat untuk dijadikan fokus kajian.

Pembacaan secara teliti merupakan suatu proses yang dilakukan mengenal pasti persekitaran yang mempengaruhi tingkah laku kanak-kanak. Umum mengetahui bahawa sesebuah novel mempunyai watak yang ramai. Hasil daripada penelitian ini membolehkan pengkaji memilih watak utama yang menonjol dari segi peranannya menggerakkan plot cerita selain memperlihatkan persekitaran yang mempengaruhi tingkah lakunya.

Seterusnya, pemilihan persekitaran dibuat dengan memilih persekitaran yang digariskan dalam sistem mikrosistem, iaitu ibu bapa, guru, rakan dan jiran. Analisis yang dilakukan dengan mengenal pasti persekitaran yang mempengaruhi watak kanak-kanak berdasarkan tingkah laku yang ditunjukkan watak kanak-kanak dalam novel *Beruk*.

Teks *Beruk* dipilih sebagai teks kajian atas beberapa sebab, iaitu novel ini pernah mendapat pengiktirafan dengan memenangi tempat pertama kategori novel kanak-kanak Hadiah Sastera Perdana Malaysia pada tahun 2010/2011. Karya yang bermutu sudah tentu memiliki plot yang teratur, watak yang pelbagai, tema yang universal, persembahan yang menarik, sudut pandangan yang berkesan selain sarat dengan nilai dan pengajaran. Selain itu, pemilihan novel kanak-kanak ini juga kerana memaparkan persoalan kemanusiaan, keindahan moral serta digarap dengan bahasa yang indah dan kreatif. Pemilihan karya pemenang juga dinilai berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan dan dinilai oleh panel yang telah dilantik khas. Hal ini jelas menunjukkan novel yang memenangi anugerah merupakan novel yang terbaik dan menepati standard novel untuk kanak-kanak.

“Antara kriteria dasar yang ditetapkan dalam proses penilaian ialah karya perlu memenuhi ciri-ciri kekuatan kesatuan organik, kekuatan dan keaslian persoalan, keseimbangan estetika bahasa dengan persoalan kemanusiaan, keindahan moral, dana inovasi dalam kreativiti. Novel-novel dibaca secara analitikal untuk memastikan kehendak kriteria penilaian itu dipenuhi. Ada karya yang memaparkan kekuatan dalam aspek-aspek tertentu, tetapi lemah dalam aspek-aspek yang lain. Hal-hal sebegini telah diberikan perhatian yang sewajarnya oleh panel penilai dalam menentukan karya yang benar-benar kuat diangkat sebagai penerima anugerah.”

(Dewan Sastera, 2010)

### **TEORI EKOLOGI BRONFENBRENNER (1979)**

Teori Ekologi Bronfenbrenner yang telah diperkenalkan oleh Bronfenbrenner dalam bukunya yang bertajuk *The Ecology of Human Development: Experiment by Nature and Design (1979)*. Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979, 1989) menjelaskan bahawa perkembangan kanak-kanak sebagai hasil interaksi antara alam persekitaran dengan kanak-kanak tersebut. Terdapat lima sistem yang digariskan oleh Teori Ekologi dalam mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak atau seseorang individu. Lima sistem tersebut ialah Mikrosistem (*Microsystem*), Mesosistem (*Mesosystem*), Ekosistem (*Exosystem*), Makrosistem (*Macrosystem*) dan Kronosistem (*Chronosystem*).

Teori Ekologi yang diperkenalkan oleh Bronfenbrenner (1979) merupakan teori yang sesuai untuk memahami bagaimana persekitaran yang melingkungi kehidupan kanak-kanak mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak. Teori yang diasaskan oleh Bronfenbrenner menekankan pengaruh persekitaran terhadap perkembangan manusia. Oleh itu, melalui teori ini persekitaran ekologi manusia berdasarkan hubungannya dengan konteks di mana individu itu berada dan berinteraksi menjadi fokus utama. Bronfenbrenner (1979, hlm. 21) menyatakan bahawa:

“*The ecology of human development involves the scientific study of the progressive, mutual accommodation between an active, growing human being and the changing properties of the immediate settings in which the developing person lives, as this process is affected by relations between these settings, and by the larger contexts in which the settings are embedded.*”

Menurut Bronfenbrenner (1979), persekitaran kanak-kanak terdiri daripada satu sistem sosial sebagai struktur berlapis bermula dengan mereka yang terdekat dengan kehidupan kanak-kanak seperti ibu bapa serta keluarga dan mereka yang akan terlibat dalam kehidupan kanak-kanak tersebut secara langsung atau tidak langsung. Berdasarkan Bronfenbrenner perkembangan terjadi melalui proses interaksi yang regular, aktif antara individu dan lingkungan seharian. Tuntasnya, interaksi antara kanak-kanak dengan persekitaran mempengaruhi proses pertumbuhan dan perkembangan psikologi kanak-kanak.

Meskipun Teori Ekologi Bronfenbrenner terdapat lima sistem yang saling berkait antara satu sama lain yang mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak iaitu Sistem Mikrosistem, Sistem Mesosistem, Sistem Ekosistem, Sistem Makrosistem dan Sistem Kronosistem. Namun, satu sistem sahaja yang akan digunakan untuk kajian ini, iaitu sistem mikrosistem. Hal ini kerana, sistem mikrosistem merupakan satu prinsip dalam Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979) yang melihat persekitaran terdekat kanak-kanak, iaitu hubungan kanak-kanak secara langsung dengan persekitaran yang melingkungi kehidupannya seperti ibu bapa, jiran, guru dan rakan.

### SISTEM MIKROSISTEM

Mikrosistem merupakan persekitaran yang terdekat dengan dunia kanak-kanak dan merupakan lapisan pertama yang mewakili hubungan serta interaksi kanak-kanak dengan keluarga (ibu bapa dan adik-beradik), rakan sebaya, guru, jiran dan individu lain yang berhubung rapat dengan kanak-kanak. Hal ini menunjukkan mikrosistem ialah persekitaran yang terdekat tempat kanak-kanak menghabiskan banyak masa dalam kehidupan seharian. Bronfenbrenner (1977, hlm. 514) menyatakan bahawa:

*“A microsystem is the complex of relations between the developing person and environment in an immediate setting containing that person (e.g., home, school, workplace, etc.). A setting is defined as a place with particular physical features in which the participants engage in particular activities in particular roles (e.g., daughter, parent, teacher, employee, etc.) for particular periods of time. The factors of place, time, physical features, activity, participant, and role constitute the elements of a setting.”*

Berdasarkan petikan di atas, mikrosistem merupakan hubungan kompleks antara individu dan persekitaran yang melingkungi individu seperti di rumah, sekolah, tempat kerja dan sebagainya. Tempat merupakan tempat individu menghabiskan banyak masa dengan individu terdekat seperti keluarga, guru, rakan sekerja dan sebagainya. Faktor tempat, masa, ciri-ciri fizikal, aktiviti, individu terlibat dan peranan individu membentuk persekitaran kanak-kanak. Individu seperti ibu bapa, jiran, rakan dan guru merupakan persekitaran penting dalam membentuk tingkah laku kanak-kanak.

Oleh itu, ibu bapa yang menunjukkan kasih sayang dan penjagaan yang baik memberi kesan yang berbeza dengan ibu bapa yang tidak kisah atau garang terhadap kanak-kanak. Tingkah laku keibubapaan yang berkualiti merupakan elemen penting dalam membentuk perkembangan sosioekonomi dan perkembangan kognitif anak terutama pada peringkat awal kanak-kanak (Zarinah Arshat et al., 2002, hlm. 170).

Selain itu, tingkah laku atau respon kanak-kanak juga akan mempengaruhi sikap ibu bapa atau penjaga terhadap kanak-kanak tersebut. Kanak-kanak yang berkelakuan baik akan disenangi oleh orang dewasa dan masyarakat sekeliling. Oleh itu, penampilan dan tingkah laku kanak-kanak mempengaruhi respon positif atau negatif mereka terhadap kanak-kanak tersebut. Selain itu, hubungan yang baik dan harmoni antara ibu bapa juga memberi pengaruh yang besar dalam hal asuhan dan penjagaan kanak-kanak. Ibu bapa yang memiliki hubungan yang baik dan bijak dalam menangani masalah akan melahirkan kanak-kanak yang memiliki



personaliti yang menarik dan baik. Malahan kanak-kanak dari latar belakang keluarga yang aman dan tidak bermasalah akan memiliki perkembangan psikologi yang baik.

Selain itu, rakan sebaya juga menjadi unsur penting yang mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak. Kanak-kanak yang masih mentah dalam hidup mudah dipengaruhi oleh persekitaran yang melingkungi hidup mereka. Apabila kanak-kanak mula melangkah ke alam persekolahan, individu yang menghabiskan masa yang lebih lama dengan kanak-kanak adalah rakan sebaya. Oleh itu, pemilihan rakan sebaya penting dalam mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak. Hal ini turut dinyatakan oleh Mohd Sharani Ahmad (2004, hlm. 130), iaitu:

“...rakan sebaya memberi kesan pengaruh yang sangat kuat...salah memilih rakan sebaya mewujudkan pelbagai masalah tingkah laku. Sebaliknya apabila rakan sebaya dipilih dengan betul, perhubungan itu menjana kejayaan seseorang anak.”

Selain ibu bapa, adik-beradik dan rakan sebaya, guru juga merupakan individu yang paling dekat dengan kanak-kanak. Hal ini kerana sekolah merupakan tempat kedua yang paling banyak kanak-kanak habiskan masa. Oleh itu, individu yang mendidik atau mengajar kanak-kanak merupakan individu yang turut mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak. Menurut Mohd Sharani Ahmad (2004, hlm. 132) guru ialah:

“Guru merupakan role model, pengasuh dan mentor kepada kanak-kanak. Perhubungan antara guru dan kanak-kanak memberi kesan emosi dan sosial serta proses adaptasi dengan persekitaran sekolah.”

Di samping keluarga, rakan dan guru, jiran merupakan individu yang tinggal berhampiran dengan individu. Hubungan antara individu dengan jiran mempengaruhi perkembangan individu. Hal ini kerana jiran merupakan individu kedua selepas keluarga yang akan membantu ketika dalam kesusahan. Hubungan yang baik atau sebaliknya dengan jiran memberi kesan dalam perkembangan psikologi kanak-kanak.

Kesimpulannya, kanak-kanak terdedah kepada persekitaran yang melingkungi kehidupan mereka seperti hubungan dengan ibu bapa, jiran, rakan dan guru. Perhubungan yang terjalin antara kanak-kanak dengan individu-individu tersebut akan membentuk perkembangan psikologi kanak-kanak. Oleh itu, kajian ini menganalisis hubungan kanak-kanak dengan persekitaran dalam mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak dalam novel *Beruk*.

#### PENGARUH HUBUNGAN DENGAN IBU BAPA

Mikrosistem merupakan peringkat persekitaran yang pertama dalam sistem ekologi Bronfenbrenner. Mikrosistem merupakan persekitaran terdekat yang mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak secara langsung. Berdasarkan mikrosistem hubungan secara terus kanak-kanak dengan persekitaran terdekat mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak. Persekitaran terdekat merupakan tempat kanak-kanak banyak menghabiskan masa bersama, iaitu ibu-bapa, adik-beradik, rakan-rakan, guru dan jiran.

Menurut Kamarulzaman Kamaruddin (2016, hlm. 187), keluarga ialah unit asas dalam masyarakat yang dianggotai oleh individu yang berinteraksi dalam persekitarannya. Ahli keluarga terdiri daripada ibu bapa dan adik-beradik. Hubungan kanak-kanak dengan ahli keluarga mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak. Dalam membentuk anak yang berjaya duniawi dan akhirat peranan ibu bapa memberi pengaruh yang sangat besar. Ibu bapa yang aktif dan positif dalam kehidupan kanak-kanak melahirkan kanak-kanak yang bertingkah laku baik. Malah, kanak-kanak yang membesar dalam kalangan keluarga yang

mengambil berat akan melahirkan seorang kanak-kanak yang berjaya dalam akademik dan perhubungan dengan orang sekeliling. Hal ini selari dengan Bronfenbrenner (1979, hlm. 104), “*the child’s psychological growth is facilitated by his interaction with persons occupying a variety of roles.*”

Berdasarkan novel *Beruk*, hubungan Alias dengan emaknya digambarkan rapat. Alias telah kehilangan kasih sayang seorang ayah kerana ayahnya telah meninggal dunia akibat terjatuh dari pokok kelapa. Alias tinggal bersama emaknya yang lumpuh, tetapi emaknya tetap mengambil berat tentang pelajaran dan memberi didikan agama kepada Alias. Meskipun ketiadaan kasih sayang seorang ayah dan keadaan emaknya yang lumpuh menjadikan Alias seorang anak yang berdikari. Dalam usia yang terlalu muda Alias menjadi ketua keluarga yang mencari wang untuk perbelanjaan dia dan maknya. Alias berusaha untuk tidak menyusahkan maknya. Ketika dia dimarahi oleh Cikgu Sunan dan ditampar Cikgu Sunan sehingga bengkak telinga, Alias hanya mendiamkan diri dan tidak mahu memberitahu ibunya. Alias juga berfikir bahawa jika dia memberitahu ibunya hanya menunjukkan bahawa dia seorang murid yang malas. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut, “Alias tidak mahu memberitahu yang Cikgu Sunan menamparnya. Memberitahu kena tampar dari guru bererti memberitahu yang dia seorang murid yang jahat atau malas (Azizi Abdullah, 2010, hlm. 94).

Selain itu, pengaruh ibu Alias dalam mempengaruhi Alias juga dapat dilihat dalam membentuk perkembangan psikologi Alias sebagai seorang anak yang mendengar cakap orang tua. Alias tidak pernah meninggikan suara dan membantah tindakan ibunya. Malah ketika Alias dipukul oleh ibunya kerana beruknya dituduh merosakkan tanaman mak cik Miah, Alias hanya membiarkan perbuatan ibunya. Ketika kebenaran berpihak kepadanya tidak sedikit pun menggambarkan Alias membenci atau mengingati perbuatan ibunya yang menunjukkan dia berdendam dengan ibunya. Tingkah laku Alias ini dipengaruhi didikan yang diberikan oleh ibunya. Ibunya seorang yang menekankan ilmu agama kepada Alias dengan mengajar mengaji al-Quran dan solat. Hubungan Alias dengan keluarganya mempengaruhi perkembangan psikologi Alias. Alias merupakan seorang kanak-kanak yang matang pada usia yang terlalu muda.

Meskipun begitu, kekurangan daya fizikal ibunya menyebabkan Alias selalu ponteng sekolah. Hal ini kerana, ibunya yang tidak dapat bekerja untuk mencari rezeki akibat lumpuh menyebabkan Alias mengambil alih tugas tersebut. Alias juga menjadi seorang kanak-kanak yang tidak berani memberitahu hal sebenar kepada Cikgu Sunan sehinggakan timbul salah faham. Ketika dibuli oleh budak-budak nakal, Alias juga tidak memberitahu ibunya dan hanya berdiam diri. Hal ini kerana dipengaruhi keadaan dan hubungan Alias dengan ibunya. Alias seolah-olah faham bahawa meskipun dia memberitahu ibunya, ibunya tidak mampu berbuat apa-apa. Malah akan menyusahkan ibunya yang lumpuh.

Di samping itu, kesunyian hidup Alias ditambah lagi kerana dia merupakan anak tunggal dan tiada adik-beradik yang lain juga secara tidak langsung mempengaruhi tingkah laku Alias. Meskipun Alias memiliki ibu yang penyayang namun keadaan ibunya yang lumpuh memberi kesukaran kepada ibunya untuk sentiasa memastikan Alias menerima pendidikan dan keperluan harian yang secukupnya. Keadaan ini menyebabkan Alias dikategorikan sebagai kanak-kanak pelik kerana berkawan dengan seekor beruk bernama Pon. Keakraban mereka digambarkan bahawa mereka saling memahami antara satu sama lain. Malah Pon menolong Alias mencari rezeki untuk dia dan ibunya.

Selain itu, Alias juga kesunyian dan tidak mempunyai teman untuk bermain. Hal ini kerana kanak-kanak sebaya Alias merupakan tingkat umur yang memerlukan individu sentiasa mengambil berat dan prihatin. Alias bukan sahaja tidak mempunyai adik-beradik yang lain, malah tidak mempunyai rakan sebaya yang sama jantina untuk bermain dan belajar bersama. Justeru, persekitaran terdekat seperti ini memberi impak yang besar dalam

perkembangan psikologi Alias. Hal ini kerana menurut Zainudin Abu Bakar (2014), bermula usia 6 tahun kanak-kanak mula menunjukkan perbezaan yang ketara antara kanak-kanak lelaki dan perempuan dari segi kecenderungan, minat, aktiviti sesuai dengan jantina dan ekspektasi keluarga dan masyarakat.

#### PENGARUH HUBUNGAN DENGAN RAKAN

Rakan-rakan yang melingkungi kehidupan individu mempengaruhi perkembangan psikologi individu. Perhubungan kanak-kanak dengan rakan terjalin sama ada rakan yang tinggal satu tempat tinggal dengan mereka dan juga rakan di sekolah. Namun kebanyakan rakan yang menjalin hubungan dengan kanak-kanak adalah individu yang sama tempat tinggal dan juga sekolah. Apabila kanak-kanak memasuki alam persekolahan, rakan yang melingkungi hidup mereka akan memberi impak yang besar dalam perkembangan psikologi kanak-kanak.

Berdasarkan novel *Beruk*, watak Alias tidak memiliki ramai kawan dan Som merupakan satu-satunya kawan Alias. Som sangat mengambil berat terhadap Alias. Hal ini dapat dilihat semasa Alias tidak dapat datang ke sekolah kerana telinganya sakit kerana ditampar oleh Cikgu Sunan, Som datang ke rumah Alias dan memberitahu Alias kerja-kerja sekolah yang perlu disiapkan. Mereka selalu belajar bersama-sama membuat latihan Matematik dan belajar mengaji al-Quran daripada ibu Alias. Hal ini kerana Alias pintar dalam mata pelajaran matematik. Keperihatinan Som membuatkan Alias menyayangi Som dan selalu menolong Som dalam pelajaran dan begitu juga Som. Keadaan ini jelas menunjukkan pengaruh positif rakan sebaya dalam kehidupan kanak-kanak. Hal ini sejajar dengan pendapat Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf, 2012, hlm. 165), iaitu:

“Kanak-kanak bergaul dengan rakan sebaya yang rajin belajar akan mendorong perkembangan intelek dan potensinya ke tahap optimum. Kanak-kanak yang bersosialisasi dengan rakan sebaya yang bersopan santun akan menyerap nilai-nilai murni yang positif daripada mereka”.

Meskipun begitu, kanak-kanak sebaya Alias memerlukan rakan sebaya yang sama jantina. Hal ini kerana, perwatakan kanak-kanak lelaki dan perempuan adalah berbeza. Kanak-kanak lelaki lebih lasak dan berani berbanding kanak-kanak perempuan yang lemah-lembut dan agak pendiam. Oleh sebab itu, Alias digambarkan seorang kanak-kanak yang pendiam semasa di dalam kelas. Ketika dimarahi Cikgu Sunan, Alias juga hanya berdiam diri. Hal ini dapat disimpulkan bahawa Alias dipengaruhi tingkah laku Som kerana dia berkawan dengan Som, iaitu kanak-kanak perempuan. Oleh itu, hubungan rapat mereka memberi kesan dalam perkembangan psikologi Alias.

Perkembangan psikologi Alias juga turut dipengaruhi hubungannya dengan beruk yang bernama Pon. Kekurangan rakan sebaya yang sama jantina menyebabkan Alias rapat dengan beruknya yang bernama Pon. Keakraban mereka dapat dilihat apabila Pon hilang, Alias sanggup lambat datang ke sekolah untuk mencari Pon. Alias juga akan memastikan bahawa Pon tidak kelaparan dengan memberi Pon makanan yang cukup seperti nasi dan pisang yang merupakan kegemaran Pon. Kehadiran Pon sangat istimewa kepada Alias kerana Pon menjadi sumber utama kepada Alias dalam mencari rezeki, iaitu memanjat pokok kelapa. Alias juga merasakan Pon lebih memahaminya berbanding orang lain. Hal ini kerana Alias banyak menghabiskan masanya bersama Pon. Alias digambarkan sangat menyayangi Pon seperti keluarga sendiri. Perasaan sayang ini bukan sahaja dalam diri Alias terhadap Pon tetapi juga Pon kepada Alias.

Kasih sayang antara mereka dapat dilihat apabila Pon telah menyerang Cikgu Sunan yang datang ke rumah Alias. Pon seperti tahu bahawa Cikgu Sunan telah menyebabkan

telinga Alias berbau busuk. Perasaan sayang yang terjalin dalam diri mereka menjadikan mereka begitu memahami antara satu sama lain. Tindakan Pon yang menerkam ke arah Cikgu Sunan menyebabkan Alias tergamam. Namun, jika dilihat kepada tindakan Alias yang merodok perut Pon dengan lembing merupakan tindakan bijak. Hal ini kerana setelah dilarang Pon masih berkeras tidak melepaskan gigitan pada Cikgu Sunan. Meskipun Pon merupakan sahabat yang rapat dan menolong Alias namun Alias seorang budak yang matang dalam membuat tindakan. Alias dapat membezakan yang mana harus diselamatkan dalam keadaan genting tersebut.

Tindakan dan tingkah laku Alias dipengaruhi rakannya Som dan beruknya yang bernama Pon. Hal ini sejajar dengan pendapat yang diutarakan Che Noraini (2005) dalam Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail dan Noranizah Yusuf (2012, hlm. 165), bahawa rakan sebaya memainkan pengaruh yang besar dalam membentuk perkembangan akhlak dan tingkah laku kanak-kanak. Jas Laile Suzana Jaafar (2016, hlm. 143), juga mengatakan bahawa sahabat boleh mempengaruhi tingkah laku seseorang kanak-kanak. Kebaikan Som dan Pon turut membentuk Alias menjadi seorang kanak-kanak yang baik meskipun terpaksa mengorbankan rakan baiknya Pon. Alias menyelamatkan Cikgu Sunan daripada gigitan Pon meskipun Cikgu Sunan selalu memarahi dan telah menamparnya sehingga menyebabkan telinganya bernanah.

#### PENGARUH HUBUNGAN DENGAN GURU

Hubungan Alias dengan Cikgu Sunan mempengaruhi tingkah laku Alias. Kekuatan pengaruh guru dalam membentuk perkembangan psikologi kanak-kanak digambarkan jelas dalam novel *Beruk* melalui watak Alias. Cikgu Sunan seorang guru yang garang, bertindak membuta tuli dan tidak mesra. Hal ini dapat dilihat apabila Cikgu Sunan tanpa usul-periksa telah menampar Alias sehingga menyebabkan telinga Alias bengkak dan menanah kerana Alias memberi alasan tidak dapat lahir ke sekolah kerana mencari beruknya yang hilang. Cikgu Sunan menyangkakan Alias menyindirnya apabila Alias memberikan alasan lewat ke sekolah kerana mencari beruknya yang hilang.

“Beruk? Kenapa?” Tanya Cikgu Sunan kerana itulah pertama kali mendengar Alias menyebut beruk. Mungkinkah Alias menyindirnya?

“Kau sindir saya?” Cikgu Sunan menojah dahi Alias dengan kasar.

(*Beruk*, 2010, hlm. 43-46)

Selain itu, Cikgu Sunan juga bersikap dingin terhadap Alias kerana penampilan Alias yang serba kekurangan. Hal ini jelas menunjukkan penampilan dan tingkah laku pelajar juga mempengaruhi penerimaan guru terhadap pelajar. Namun, sebagai seorang guru yang seharusnya mendidik dan memberi contoh yang baik kepada pelajar, Cikgu Sunan tidak seharusnya melayan pelajar berdasarkan penampilan luaran pelajar. Jika dilihat kepada tingkah laku Alias, merupakan seorang pelajar yang sangat menghormati gurunya. Malah ketika dia ditampar Cikgu Sunan tidak digambarkan langsung Alias berasa benci dan marah kepada Cikgu Sunan. Malah Alias merasakan Cikgu Sunan yang membencinya. Alias juga sanggup membunuh beruk kesayangannya yang menggigit Cikgu Sunan.

Berdasarkan sistem mikrosistem yang digariskan oleh Bronfenbrenner (1979) juga menjelaskan bahawa tindakan dan tingkah laku seorang guru mempengaruhi perkembangan psikologi pelajar. Hal ini dapat dilihat melalui tindakan Cikgu Sunan meninggalkan kesan yang mendalam terhadap tingkah laku Alias sehinggakan Alias beranggapan bahawa Cikgu Alias membenci dirinya. Akibat tindakan Cikgu Sunan menyebabkan Alias ponteng sekolah kerana malu dengan bau busuk telinganya. Sikap garang dan tidak mengambil berat Cikgu Sunan juga menyebabkan Alias menjadi seorang budak yang pemalu dan takut untuk hadir ke

sekolah meskipun dia tidak melakukan sebarang kesalahan. Menurut Syofia Ulfah, Zamri Mahamod dan Jamaludin Badusah (2013, hlm. 152) “Pujian sopan santun, ancaman dan kritikan bersifat tuduhan kepada murid boleh mendatangkan kesan negatif terhadap perkembangan emosi, psikologi dan motivasi murid”.

Meskipun begitu, terdapat juga digambarkan keprihatinan guru besar terhadap ketidakhadiran Alias ke sekolah telah menyelamatkan Alias. Hal ini kerana, hasil nasihat dan perintah daripada guru besar membuatkan Cikgu Sunan melawat Alias di rumah sekali gus merungkai kemelut kemiskinan yang dihadapi oleh Alias. Jelaslah, peranan para guru memberi impak besar dalam perkembangan psikologi kanak-kanak dalam novel *Beruk*. Oleh itu menurut Nik Mohd Hazrul Nik Hashim, Syed Shah Alam & Norazlina Mohd Yusoff (2014, hlm. 112) “*Teachers should therefore focus their efforts to portray delightful qualities such as integrity, respect, compassion, and sensitivity to students’ need as these values essentially creates motivation to learn*”. Oleh itu, guru harus menumpukan usaha mereka untuk menggambarkan kualiti yang menarik seperti integriti, rasa hormat, belas kasihan, dan kepekaan terhadap keperluan pelajar kerana nilai-nilai ini pada dasarnya mewujudkan motivasi untuk belajar seperti yang ditunjukkan oleh guru besar dalam novel *Beruk*. Beliau peka dengan keadaan pelajarnya dan menasihati Cikgu Sunan supaya mengambil erat terhadap ketidakhadiran Alias ke sekolah.

Sikap seorang guru yang diberi tanggungjawab sebagai pendidik yang akan melahirkan modal insan yang seimbang rohani dan jasmani gagal dijalankan oleh Cikgu Sunan. Sikap Cikgu Sunan yang tidak adil dalam melayan Alias menyebabkan Alias seorang kanak-kanak yang pendiam meskipun hakikatnya Alias seorang kanak-kanak yang bijak terutamanya dalam mata pelajaran Matematik. Namun dengan campur tangan dan keprihatinan guru besar, Cikgu Sunan telah insaf dan berusaha menebus kembali peranannya sebagai seorang guru yang baik. Perubahan Cikgu Sunan juga memberi kesan yang positif kepada perkembangan psikologi Alias. Alias menjadi bersemangat untuk datang ke sekolah dan berazam untuk belajar sehingga ke menara gading.

Rumusannya, pihak sekolah dan guru memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi tingkah laku kanak-kanak. Hal ini kerana tingkah laku yang ditunjukkan oleh guru akan menjadi ikutan dan contoh kepada pelajar. Oleh itu, seorang guru harus menunjukkan sikap dan tingkah laku yang positif supaya dapat menjadi ikutan kepada pelajar (Zuria Mahmud & Salleh Amat, 1998).

#### PENGARUH HUBUNGAN DENGAN JIRAN

Jiran merupakan individu yang tinggal berdekatan dalam kawasan yang sama. Menurut Abdullah Nasih Ulwan (1988), jiran merupakan individu yang tinggal berdekatan dari kanan, kiri, depan, belakang, atas dan bawah dan dihitung sehingga 40 buah rumah dari setiap penjuru. Jiran merupakan individu yang tidak mempunyai pertalian darah dengan kanak-kanak. Namun jiran memainkan peranan yang besar dalam mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak. Hal ini kerana kanak-kanak juga meluangkan masa yang banyak dengan jiran dalam kehidupan mereka. Hubungan yang erat terjalin dengan jiran sekeliling memberi impak positif kepada kanak-kanak.

Mak Su Kiah merupakan jiran kepada Alias yang tinggal berdekatan dengan rumah Alias. Mak Su Kiah seorang jiran yang sentiasa mengambil berat terhadap Alias dan maknya. Mak Su Kiah seorang jiran yang prihatin, baik dan selalu menghantar makanan untuk Alias dan maknya. Kesusahan hidup yang dialami Mak Su Kiah menyebabkan dia juga mengerti dan memahami kesusahan Alias dan maknya. Meskipun dia tidak mampu membantu dari segi wang ringgit namun dengan memasak untuk Alias dan maknya mampu meringankan sedikit beban mereka. Mak Su Kiah juga sangat mengambil berat tentang pelajaran dan agama Alias.

Hal ini dapat dilihat apabila dia selalu bertanya pelajaran Alias dan mengingatkan Alias mengerjakan solat.

“Mak Su Kiah memang bersimpati dengan kesusahan Alias dan ibunya. Mak Su Kiahlah satu-satunya jiran yang dekat, yang sangat mengambil berat.”

(Beruk, 2010, hlm. 99)

Keperihatinan dan tindakan Mak Su Kiah mempengaruhi tingkah laku Alias. Hal ini dapat dilihat apabila Alias sedaya upaya membalas balik budi Mak Su Kiah. Antaranya dengan menghormati Mak Su Kiah. Selain itu, apabila Alias memanjat kelapa dia akan membawa balik beberapa biji kelapa jika Mak Su Kiah memerlukan untuk membuat minyak. Sikap Alias ketika di rumah berbeza dengan sikapnya di rumah. Malah Alias digambarkan seorang kanak-kanak yang suka bergurau dengan Mak Su Kiah. Hal ini jelas menunjukkan bahawa Alias berasa selesa dan gembira ketika berada di rumah berbanding di sekolah dan hal ini dipengaruhi hubungan baiknya dengan jirannya, Mak Su Kiah.

Jelas berdasarkan analisis novel *Beruk*, jiran yang baik membantu perkembangan psikologi kanak-kanak menjadi seorang kanak-kanak yang menghormati jiran atau orang tua dan turut berbuat kebaikan seperti mana yang ditunjukkan oleh jiran. Kanak-kanak juga menunjukkan tingkah laku yang baik dan ceria.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, persekitaran yang melingkungi kehidupan kanak-kanak memainkan peranan penting dalam mempengaruhi tingkah laku kanak-kanak. Oleh itu, bagi melahirkan kanak-kanak yang berakhlak mulia, kesemua persekitaran yang digariskan oleh Bronfenbrenner (1979) dalam sistem mikrosistem hendaklah saling melengkapi dan memainkan peranan masing-masing. Kesemua persekitaran yang dijelaskan mempengaruhi tingkah laku kanak-kanak dalam novel *Beruk*.

Berdasarkan watak Alias dalam novel *Beruk* dapat dikenalpasti bahawa persekitaran yang mempengaruhinya ialah hubungan persekitaran dengan ibu bapa, guru-guru, rakan sebaya dan jiran. Daripada analisis yang dilakukan, didapati bahawa Alias mempunyai dua karekter yang berbeza, iaitu menjadi seorang kanak-kanak yang pendiam di sekolah tetapi periang di rumah. Selain itu, Alias juga seorang kanak-kanak yang tidak berani membela atau mempertahankan diri walaupun dia berada di pihak yang benar. Sikap tidak yakin diri dan merendah diri memberi kesan yang negatif terhadap persekitaran hidupnya.

Kekurangan kasih-sayang daripada seorang ayah juga mempengaruhi tingkah laku Alias. Dia seorang anak yatim sejak kecil lagi. Pengaruh persekitaran juga memberi kesan terhadap pembentukan tingkah laku kanak-kanak tersebut. Selain daripada keluarga, guru dan rakan sebaya juga memainkan peranan yang penting dalam memastikan perkembangan kanak-kanak secara seimbang. Namun begitu daripada kajian ini, didapati guru yang garang dan panas baran memberi implikasi yang buruk terhadap watak Alias. Dia selalu berada dalam ketakutan yang menyebabkan selalu ponteng sekolah. Kesan daripada itu juga, dia kurang bergaul dengan rakan sebaya dan lebih senang berkawan dengan haiwan peliharaannya. Hubungan yang terjalin amatlah rapat, iaitu dia selalu berbual dan memahami bahasa buruk tersebut.

Tuntasnya, perkembangan psikologi watak Alias dalam novel *Beruk* dipengaruhi individu yang melingkungi kehidupan seharian seperti ibu bapa, jiran, rakan dan guru. Persekitaran ini amat penting dalam mempengaruhi psikologi seseorang kanak-kanak. Sokongan, didikan, pergaulan, perhatian dan kasih sayang dapat membentuk kanak-kanak yang membesar secara seimbang. Justeru itu, sistem mikrosistem dalam teori ekologi dapat

memperlihatkan persekitaran kanak-kanak secara terperinci berdasarkan novel *Beruk* yang dikaji.

## PENGHARGAAN

Kami mengucapkan terima kasih kepada bahagian *MyBrain15* Malaysia atas biayaan bagi menjalankan penyelidikan ini.

## RUJUKAN

- Abdullah Nasih Ulwan. (1988). *Pendidikan Anak-Anak dalam Islam*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Abd. Razak Zakaria. (2011). Hubungan Konteks Keluarga dengan Penglibatan Ibu Bapa dan Pencapaian Akademik Anak-anak di Sekolah Menengah. Tesis Ph. D, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Azizi Abdullah. (2010). *Beruk*. Kuala Lumpur: Al-ameen Serve Holdings.
- Bronfenbrenner, U. (1977). *Toward an Experimental Ecology of Human Development*. Cornell University: New York
- Bronfenbrenner, U. (1979). *The Ecology of Human Development: Experiments by Nature and Design*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Denis, C. M. (2012). Attention Deficit Hyperactivity Disorder and Bronfenbrenner's Ecology of Human Development. Tesis Ph.D, Georgia Southern University, Statesboro, Georgia.
- Dewan Sastera. (2014). Laporan Panel Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2010/2011 (Kategori Kanak-kanak dan Remaja). Diakses dari <http://dwnsastera.dbp.my/?p=1507>
- Hadijah Rahmat. (2006). *Peranan dan Perkembangan Sastera Kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jas Laile Suzana Jaafar. (2016). *Psikologi Kanak-Kanak & Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarulzaman Kamaruddin. (2016). *Psikologi Perkembangan Panduan untuk Guru*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid. (2010). Peranan Sekolah dan Guru dalam Pembangunan Nilai Pelajar Menerusi Penerapan Nilai Murni: Satu Sorotan. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*. Vol. 11, 117-130.
- Mohd. Sharani Ahmad. (2004). *Psikologi Kanak-kanak*. Pahang: PTS Publications.
- Mohd. Sidin Ahmad Ishak. (2005). *Perkembangan Sastera Kanak-kanak di Malaysia*. Shah Alam: Cerdik Publications Sdn. Bhd.
- Nik Mohd Hazrul Nik Hashim, Syed Shah Alam & Norazlina Mohd Yusoff. (2014). Relationship between Teacher's Personality, Monitoring, Learning Environment, and Students' EFL Performance. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol. 14(1), 101-116.
- Nursham Abdul Aziz. (2015). *Novel-Novel Azizi Haji Abdullah: Kajian Intertekstualiti*. Tesis Ph.D, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Peng, C. F., Mahzan Arshad, Zahari Ishak & Cheong, L. S. (2008). Pendidikan Kesusasteraan Awal Kanak-kanak: Isu dan Masalah. *Masalah Pendidikan*. Vol. 31(1), 77-89.
- RSN Murali. (2017). Budak 7 Tahun Didakwa Rogol?. Diakses dari <http://www.mstar.com.my/berita/berita-jenayah/2017/07/27/rogol-budak-tadika/>.
- Syofia Ulfah, Zamri Mahamod & Jamaludin Badusah. (2013). Kemahiran Komunikasi Interpersonal Ekspresif: Mencipta Guru Bahasa Indonesia yang Penyayang. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol. 13(1), 139-154.

- Stivaros, H. (2007). An Ecological Perspective of Children's School Experiences and Educational Outcome. Tesis Ph.D, University of Huddersfield, Huddersfield.
- Witrin Gamayanti. (2010). *Usaha Bunuh Diri Berdasarkan Teori Ekologi Bronfenbrenner. Latihan Ilmiah*. Universitas Indonesia: Jakarta.
- Zarinah Arshat, Rozumah Baharudin, Rumaya Juhari & Rojanah Kahar. (2002). *Pertanika Journal Of Social Science & Humanities: Tingkah laku Keibubapaan dan Penyesuaian Tingkah Laku Anak dalam Keluarga Berisiko di Luar Bandar*. Volume 10-11. Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia: Selangor.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf. (2012). Faktor Persekitaran Sosial Dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri. *Jurnal Hadhari Special Edition*. 155-172.
- Zainudin Abu Bakar. (2014). *Psikologi Pendidikan Pedoman untuk Guru dan Ibu Bapa*. Singapore: Partridge Publishing Singapore.
- Zuria Mahmud & Salleh Amat. (1998). Guru Berkesan: Kemahiran dalam Menangani Pelajar. Kertas kerja seminar Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Guru. Pendidikan Guru untuk Sekolah Berkesan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. 26-28 Oktober.
- \_\_\_\_\_. (2015). Segala Hal Tentang Novel. Diakses dari <https://pusatbahasaalazhar.wordpress.com/pesona-puisi/segala-hal-tentang-novel/>.

## PENULIS

Rohayati Binti Junaidi merupakan pelajar Ph.D di Universiti Malaya dalam bidang Kesusasteraan Melayu bawah penyeliaan dan bimbingan Dr. Tengku Intan Marlina binti Tengku Mohd. Ali dan Dr. Madiawati binti Mamat @ Mustaffa. Bidang kajian yang ditekuni ialah kesusasteraan kanak-kanak yang menjurus kepada aspek persekitaran.

Tengku Intan Marlina Binti Tengku Mohd Ali merupakan seorang pensyarah kanan di Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur Malaysia. Beliau juga menjadi penyelia kepada pelajar di peringkat latihan ilmiah, sarjana dan kedoktoran. Bidang kepakaran adalah dalam bidang teori dan kritikan sastera, psikologi dan semiotik.

Madiawati Binti Mamat@ Mustaffa merupakan seorang pensyarah kanan di Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur Malaysia. Beliau juga menjadi penyelia kepada pelajar di peringkat latihan ilmiah, sarjana dan kedoktoran. Bidang kepakaran adalah dalam bidang sastera multimedia, sastera lisan dan sastera kanak-kanak.